

BAHAGIAN PEMBANGUNAN PELAJAR & JARINGAN KOMUNITI (HEP)
SA : 03-55223521 | BJ : 03-32805090

KEPADA : Siswa/Siswi Universiti Selangor (UNISEL)
DARIPADA : Penolong Pendaftar (HEP)
TARIKH : 08 Oktober 2018



**SERAHAN DOKUMEN PERJANJIAN PINJAMAN PTPTN KELULUSAN PERMOHONAN ONLINE PTPTN
30/09/2018**

Tahniah kepada Siswa/Siswi yang telah menerima kelulusan PTPTN dan telah menerima **SURAT TAWARAN PTPTN BERTARIKH 05/10/2018** (tarikh tutup Permohonan Online PTPTN pada 30/09/2018).

Sila lengkapkan dokumen PTPTN mengikut Panduan dan Peraturan Am Mengisi Surat Tawaran Pembiayaan, Dokumen Perjanjian dan Maklumat Peribadi yang terdapat dalam laman web www.ptptn.gov.my.

Pelajar boleh menghantar terus Perjanjian PTPTN di cawangan Pejabat PTPTN atau boleh ke Pejabat HEP seperti butiran berikut :

TARIKH SERAHAN : 15/10/2018 hingga 17/10/2018 (Isnin hingga Rabu)
MASA : 9.00 Pagi - 5.00 Petang (Waktu Pejabat)
TEMPAT : Pejabat HEP Kampus Shah Alam dan Bestari
Jaya

DOKUMEN YANG PERLU DILENGKAPKAN :

1. 2 Set Dokumen Perjanjian berserta **SETEM HASIL** RM10.00 x 2 keping (**BOLEH DI DAPATI DI PEJABAT POS**) dan **SETEM TIDAK PERLU DIMATIKAN**.
2. 1 Salinan Surat Tawaran Kemasukan UNISEL (Sila rujuk dokumen semakan)
3. **SAKSI** adalah terdiri daripada Semua Pegawai Kerajaan Gred 3 / Kumpulan A dan ke atas di Kementerian / Jabatan Persekutuan dan Negeri / Pejabat Persekutuan dan Negeri/ Pejabat Daerah / IPTA/ Sekolah (Pengetua dan Guru Besar sahaja) atau Pegawai-Pegawai UNISEL yang mendapat kebenaran bertulis daripada PTPTN.

PERINGATAN :

TARIKH PENYERAHAN DOKUMEN PTPTN ADALAH DALAM TEMPOH 14 HARI DARI TARIKH SURAT TAWARAN PTPTN

Kelewatan pemulangan dokumen perjanjian boleh menyebabkan tawaran perjanjian terbatal. Pelajar perlu membuat permohonan baharu sekiranya masih berminat untuk mendapatkan pinjaman PTPTN.